

**Mutiara Berharga
Pada Menyatakan
Aqidah Orang Yang Beriman**

الدر الثمين في عقائد المؤمنين

**Syeikh Daud bin Syeikh
Abdullah Al-Fatani**

**Ditahkik oleh:
Dr. Abdul Wahab bin Mohd Saleh**

© **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Cetakan pertama ... 2013

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62519 Putrajaya.

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

Mutiara Berharga Pada Menyatakan Aqidah Orang Yang Beriman
(الدر الثمين في عقائد المؤمنين)

ISBN : 978-983-042-517-7

Pengarang asal:

Syeikh Daud bin Syeikh Abdullah al-Fatani

Pentahkik:

Abd Wahab bin Md. Salleh

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok D7 & D9 Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 Putrajaya

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
SEKAPUR SIRIH	xii

BAB 1 : MENGENAL ILMU DAN IMAN

• Kelebihan Ilmu	2
• Prinsip Ilmu	7
• Tujuan Utama Ilmu Ini	11
• Kategori Iman	12
• Hakikat Sesuatu yang Diketahui Ada	14
• Sumber Ilmu	14
• Pembahagian Ilmu	17
• Pembahagian Hukum	17
• Hukum yang dimaksudkan dalam Pembicaraan Ilmu Usuluddin	21
• Bahagian Hukum Akal	22

BAB 2 : MENGENAL SIFAT-SIFAT ALLAH

• Kewajipan Mukalaf	26
• Hakikat Makrifah	27
• Pendapat Ulama Tentang Orang Bertaklid Dalam Aqidah Tauhid	29
• Dalil yang dituntut daripada Mukalaf	31
• Adakah Taklid Tidak Harus atau Tidak Sah	39
• Kewajipan yang Pertama atas Mukalaf	40
• Mengenal Sifat Allah	46
• Sifat Dua Puluh	48
• Pembahagian Sifat Dua Puluh	50
• Sifat-sifat Mustahil Bagi Allah Azza wa Jalla	96
• Sifat-sifat Harus Bagi Allah Azza wa Jalla	116
• Dalil Naqli dan Aqli Bagi Sifat-Sifat Allah SWT	125

BAB 3 : MENGENAL SIFAT-SIFAT NABI DAN RASUL

• Ciri-ciri Nabi dan Rasul	148
• Pendapat Ulama Tentang Nabi	151
• Bilangan Anbiya'	152
• Rasul-rasul Ulu al-'Azm	153
• Rasul-rasul yang Menerima Kitab	153
• Sifat-sifat Rasul	154
• Sifat-sifat Mustahil Bagi Rasul	155
• Sifat-sifat yang Harus	155
• Dalil Rasul-rasul Bersifat Benar	157
• Mukjizat Nabi Muhammad SAW	159
• Dalil Harus Bagi Rasul Bersifat Dengan Sifat-sifat Manusia	166
• Darjat Kenabian	173
• Karamat al-Auliya'	176
• Antara Karamah, Irhas dan Mukjizat	177

BAB 4 : PELBAGAI

• Pengertian Sam'iyat	188
• Himpitan Kubur	193
• Soalan Munkar Dan Nakir	194
• Bilangan Munkar dan Nakir	195
• Hari Kiamat	196
• Huru-hara kiamat	197
• Huru-hara di Padang Mahsyar	197
• Surat an Amal	200
• Mizan (Timbangan)	201
• Titian Sirat al-Mustaqim	204
• Haud Nabi	205

• Arasy	209
• Al-Kursiy	212
• Qalam	213
• Al-Lauh	214
• Malaikat Yang Menulis Amalan	214
• Syurga dan Neraka	216
• Nama-nama Syurga	218
• Nikmat Syurga	222
• Pakaian Ahli Syurga	227
• Pasangan Hidup di Syurga	228
• Neraka	229
• Nama-nama Neraka dan Lapisannya Menurut Sebahagian Ulama	231
• Azab Neraka	233
• Perbalahan Dan Celaan Ahli Neraka Sesama Sendiri	236
• Penyesalan Ahli Neraka	238
• Ahli Neraka Terakhir Keluar dari Neraka	238

BAB 5 : PERBINCANGAN BERKAITAN DUA KALIMAH SYAHADAH

• Pernyataan Nafi Dan Pasti Dalam Kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	243
• Sifat-sifat Terkandung Dalam Istighna' dan Iftiqar	244
• Takrif Nabi	249
• Malaikat	250
• Kejadian Malaikat	250
• Kitab-kitab Samawi	252
• Nabi SAW Dikurniakan Dengan Jawami' al-Kalim	255

- Pendapat Ulama Tentang Kewajiban Muslim Mengucap Dua Kalimah Syahadah 257
- Sebab Dijadikan Dua Kalimah Syahadah Sebagai Tanda Iman dan Islam 257
- Kurniaan Allah Bagi Orang Yang Banyak Menyebut لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ 261

BAB 6 : KHATIMAH

RUMUSAN	266
PENUTUP OLEH PENGARANG ASAL	286
PENUTUP OLEH PENTAHKIK	287
BIBLIOGRAFI	290

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، وَالسَّلَامُ عَلَى مَنْ لَانَّبِيَّ بَعْدَهُ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ
وَوَالَاهُ.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala hanya puji bagi Allah, selawat dan salam atas Nabi terakhir yang tiada nabi selepasnya, dan atas keluarga, sahabat, serta orang yang mengikut dan menyokongnya.

أما بعد،

Kitab “الدر الثمين في عقائد المؤمنين” (atau terjemahannya: Mutiara berharga pada menyatakan aqidah orang beriman) karangan Syeikh Daud bin Syeikh ‘Abdullah al-Fatani (رحمه الله) adalah sebuah kitab aqidah Islamiah yang sangat popular pada zaman sebelum ini, ia dibaca dan dipelajari di sekolah-sekolah pondok yang menjadi pusat pengajian Islam yang tidak asing lagi pada masa itu di seluruh tanah air.

Kitab ini masih diminati masyarakat Islam yang cintakan ilmu kerana kandungannya yang sangat bernilai dan jarang didapati dalam kitab-kitab lain berbahasa Melayu. Namun begitu, bahasa yang digunakan oleh pengarang adalah bahasa Melayu klasik yang sukar difahami generasi masa kini lantaran usia penulisannya sudah mencapai dua ratus tahun. Kitab ini ditulis pada tahun seribu dua ratus tiga puluh dua hijriah (1232H) seperti yang dinyatakan oleh pengarang dalam muqadimahnyanya; ditambah dengan begitu banyak kesalahan ejaan pada waktu mencetak, lalu penulis terpanggil untuk membantu pembaca generasi baharu memahaminya dengan menyuntingnya semula. Saya pentahkik telah memperbaiki dan memperbaharu bahasa kitab ini sesuai

dengan penggunaan semasa dan berharap generasi masa kini dapat menimba ilmu yang termuat di dalamnya.

Perlu juga diingatkan bahawa terdapat di dalam kitab ini hadith-hadith daif, malah ada juga yang tidak dapat dipastikan sumbernya seperti sesetengah hadith mengenai kelebihan ilmu dan mukjizat Rasulullah SAW. Selain itu, terdapat juga fakta yang kurang tepat seperti jumlah ayat-ayat al-Quran yang disebut oleh pengarang enam ribu enam ratus enam puluh (6660) ayat, sedangkan jumlah sebenar tidak lebih daripada enam ribu dua ratus tiga puluh enam (6236) ayat.

Tidak dapat dipastikan, mengapa pengarang memasukkan hadith-hadith *daif* atau mungkin sebahagiannya *maudu'* ke dalam kitabnya, sedangkan banyak hadith-hadith sahih yang terdapat dalam kitab-kitab yang terkenal seperti sunan sittah termasuk daripada Bukhari dan Muslim serta lainnya berkaitan dengan tajuk-tajuk berkenaan. Mungkin juga pengarang berpegang sepenuhnya kepada kitab yang menjadi rujukannya tanpa memastikan sumber hadith-hadith itu *Wallahua'lam*.

Bagaimanapun usaha pengarang sangat bernilai dan dihargai, ia telah dimanfaatkan oleh ramai guru dan pelajar sejak ia ditulis hingga kini. Semoga Allah SWT mengganjari beliau atas usaha dan peninggalannya yang sangat besar manfaatnya, manakala sedikit kekurangan yang ada masih dapat dibaiki.

عَفَرَ اللَّهُ لَنَا وَلَهُ وَلِوَالِدَيْنَا وَلِوَالِدَيْهِ وَلِلْعُلَمَاءِ الْعَامِلِينَ وَلِلْمُسْلِمِينَ
أَجْمَعِينَ.

Metod Saringan dan Suntingan

Metod yang digunakan dalam menyaring dan menyunting kitab ini, antaranya ialah:

Meletakkan tajuk yang sesuai bagi setiap topik perbincangan supaya lebih mudah difahami.

Mengolah semula ungkapan atau ayat-ayat yang sukar difahami dan menggantikan perkataan-perkataan atau ungkapan yang tidak digunakan lagi dengan perkataan dan ungkapan semasa.

Menyusun semula topik-topik yang dirasakan telah diletak pada tempat yang tidak sesuai, contohnya, topik mengenai hari kiamat dan sebelum topik mengenai suratan amal dan mizan, sedangkan ia dirasakan lebih sesuai diletakkan pada awal kitab sebelum prinsip ilmu.

Sedaya upaya akan dinyatakan status dan kedudukan hadith tersebut.

Mengabaikan kenyataan-kenyataan yang berulang dan tidak penting.

Menambah kenyataan yang dirasakan perlu berkaitan dengan sesuatu tajuk perbincangan.

Mentakhrij atau menentukan sumber hadith-hadith yang disebut oleh pengarang dan menggantikan hadith-hadith yang kurang dipastikan sumbernya dengan hadith-hadith sahih atau sekurang-kurangnya yang dapat dipastikan sumbernya.

Menggantikan fakta-fakta yang kurang tepat dengan fakta yang sahih dan menjelaskan maksudnya dalam nota kaki.

Biodata Ringkas Pengarang (Syeikh Daud) Rahimahullah

Nama dan Keturunan

Beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (atau dipanggil juga Syeikh Wan Senik). Ibunya Wan Fatimah binti Wan Salamah binti Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqih) Ali Datok Maharajalela. Beliau dikenali dengan nama Tok Syeikh Daud, mempunyai lima orang adik-beradik iaitu Syeikh Abdul Qadir, Syeikh Wan Abdul Rashid, Syeikh Wan Idris dan seorang adik perempuan bernama Siti Khadijah.

Kelahiran dan Kematian

Dilahirkan di Kampung Parit Marhum, Kerisek, Pattani. Namun, tarikh lahirnya yang tepat tidak dapat dipastikan kerana catatan para penyelidik berbeza, iaitu sama ada tahun 1133 Hijrah atau 1153 Hijrah. Beliau meninggal di Taifⁱ dan dikebumikan di sana bersebelahan dengan makam Saidina Abdullah bin Abbas R.Anhuma (sepupu Rasulullah SAW). Tarikh kematiannya juga tidak dapat dipastikan kerana ada yang mencatatkan tarikhnya sekitar 1847M dan yang lain pada 1262H.

Latar Belakang Ilmiah

Syeikh Daud dibesarkan dalam keluarga ilmuan. Ayahnya Syeikh Wan Abdullah dan datuknya Syeikh Wan Idris adalah ulama besar pada masa itu. Justeru, Syeikh Daud telah diberi didikan agama sejak kecil oleh bapa dan

i. Terletak di Arab Saudi yang jaraknya dari Mekah lebih kurang 60 batu atau 110 KM.

datuknya. Syeikh Daud telah mengikuti semua sistem pendidikan yang ada di Pattani pada ketika itu, pada peringkat awal beliau berguru dengan keluarga sendiri termasuk dengan bapa saudaranya Syeikh Syafiyuddin. Ada pendapat mengatakan beliau belajar di Pattani selama lima tahun, kemudian mengembara ke Aceh dan berguru dengan Syeikh Muhammad Zain al-Ashi seorang ulama terkemuka daripada Kesultanan Aceh. Namun, menurut sumber yang dipercayai, beliau dan beberapa sahabatnya telah belajar 30 tahun di Mekah dan sepuluh tahun di Madinahⁱⁱ.

ii. Untuk maklumat yang lebih lanjut lihat (<http://gagasanulamaswj.blogspot/2008/02/salasilah-Syeikh-daud-abdullah-fathani.html>. oleh Wan Muhammad Saghir.)

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(الشيخ داود بن الشيخ عبدالله الفطاني رحمه الله)

Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah (bagi segala hamba-Nya yang Mukmin dan kafir dalam negeri dunia) lagi Maha Penyayang (bagi segala hamba-Nya yang Mukmin di negeri akhirat) kumulai kitab ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي دَلَّ عَلَيَّ وَجُوبَ وَجُودِهِ جَمِيعِ الْكَائِنَاتِ، * وَأَقْرَ عَلَيَّ وَحِدَانِيَّتِهِ وَانْفِرَادِهِ كُلِّ الْمَخْلُوقَاتِ، * وَجَعَلَ الشَّهَادَتَيْنِ دَلِيلًا عَلَيَّ كَمَالِ أَهْلِ السَّعَادَاتِ، * وَخَصَّ لِمَعْرِفَةِ عَقَائِدِ التَّوْحِيدِ مِنْ اخْتَارِهِ مِنَ الْبَرِيَّاتِ، * وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمَبْعُوثِ بِالْآيَاتِ الْوَاضِحَاتِ، * وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِالْكَرَامَاتِ.

Maksudnya: *Segala puji bagi Allah yang dalil wajib wujud-Nya ialah segala ka'inat (yang ada),* dan telah diakui keesaan dan ketunggalan-Nya oleh segala makhluk,* Dia telah menjadikan dua kalimah syahadah sebagai tanda kesempurnaan golongan yang mendapat kebahagiaan,* dan mengkhususkan orang yang dipilih-Nya daripada kalangan manusia untuk mengenali aqidah tauhid',* selawat dan salam-Nya ke atas penghulu kita Nabi Muhammad yang diutus dengan mukjizat-mukjizat yang nyata,* dan ke atas keluarganya dan sahabatnya dan yang menyusuli mereka (tabiin) dengan beberapa kemuliaan (amal salih).*

وبعد، فلما كان سنة ألف ومائتين واثنين وثلاثين من هجرة النبي عليه أفضل الصلاة والسلام، * هاج قلبي الفاتر وعقلي القاصر، * أن أجمع كلام العلماء المحققين في أصول الدين وعقائد أهل التوحيد، * وأذكر دررها وأترك صدفها ترغيباً للطلاب، * مترجماً بلسان الجاوي كي يفهمه الله الكريم الستار، * أن يوفقني للصواب بجاه سيدنا محمد المختار، * وسميته الدر الثمين في عقائد المؤمنين، * وأرجو من الله سبحانه وتعالى التوفيق وأن يجعل ثوابه هدية إلى روح سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم وذخيرة ليوم المآب، * وما توفيقي إلا بالله عليه توكلت وإليه أنيب، * وهذا أوان شروعي في المقصود مستعينا بفضل الكريم الوهاب .

Maksudnya: *Kemudian daripada itu, pada tahun seribu dua ratus tiga puluh dua Hijrah (1232H), tergeraklah jantung hatiku yang lemah dan akalku yang pendek, untuk mengumpulkan kalam ulama muhaqqiqin mengenai ilmu usuluddin dan aqidah tauhid, aku sebutkan mutiaranya dan aku tinggalkan kulitnya untuk menggalakkan penuntut (pelajar), dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa Jawi (bahasa melayu) supaya dapat difahami oleh orang yang tidak mengetahui (memahami) bahasa Arab, walaupun aku tidak layak untuk itu, tetapi akau bersandar kepada Allah Yang Maha Pemurah lagi menutup (kesalahan hamba-hamba-Nya), supaya Dia memberi taufiq kepadaku ke arah yang betul dengan berkat penghulu kita Muhammad yang terpilih, dan aku namakan dia al-Durr al-Thamin (Mutiaranya yang Bernilai) berkenaan aqidah orang yang beriman, aku harapkan daripada Allah SWT taufiq dan dijadikan ganjarannya sebagai hadiah kepada roh penghulu kita Muhammad SAW dan sebagai simpanan untuk hari kembali (hari kiamat), taufiqnya hanya daripada Allah SWT, kepada-Nya aku berserah dan kepada-Nya aku kembali.*

Sekarang tibalah masanya untuk aku memulakan apa yang dimaksudkan dengan memohon pertolongan dan limpah kurnia Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Pemberi.

(الشيخ داود بن الشيخ عبدالله الفطاني رحمه الله)

Syeikh Daud bin Syeikh Abdullah al-Fatani Rahimahullah



BAB 1
MENGENAL ILMU
DAN IMAN

MENGENAL ILMU DAN IMAN

Kelebihan Ilmu¹

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW yang menyatakan kelebihan ilmu dan ulama, antaranya:

Firman Allah SWT:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ ...

Maksudnya: ... Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan orang yang beriman) beberapa darjat...

(Surah al-Mujadalah: 11)

Dan firman-Nya:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang

¹ Pengarang meletakkan tajuk ini selepas tajuk Kiamat dan sebelum tajuk Suratan Amal di halaman 74 (naskhah asal), tetapi dirasakan letaknya di sini lebih sesuai. Hadith-hadith berkaitan tajuk ini diganti dengan hadith-hadith sahih dan ditambah dengan ayat-ayat al-Quran.

sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengetahui dan menegaskan juga) yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Imran: 18)

Firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.

(Surah al-Zumar: 9)

Ayat pertama menegaskan bahawa orang yang beriman dan berilmu diangkat darjatnya berganda-ganda berbanding dengan orang yang beriman yang tidak berilmu, walaupun semua orang yang beriman mendapat darjat di sisi Allah SWT.

Ayat kedua menunjukkan darjat orang yang berilmu sehingga mereka disebut bersama selepas menyebut Allah SWT dan para Malaikat-Nya. Manakala ayat ketiga menegaskan bahawa tidak sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu, orang yang tidak berilmu tidak mampu mengambil pengajaran daripada ayat-ayat Allah SWT, yang mampu mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang berilmu.

Kedua: Daripada Hadith

Manakala hadith-hadith yang menyatakan kelebihan ilmu, antaranya ialah:

Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya: “Apabila mati seorang anak manusia terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, (iaitu) daripada sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang mendoakan untuknya.”

Riwayat Muslim dalam Kitab al-Wasiyyah, bab Ma Yulhaq al-Insan Min al-Thawab Ba’d Wafatih, no. hadith 3084, dan at-Tirmizi dalam Kitab al-Ahkam ‘an Rasulillah SAW, bab al-Waqf, hadith no. 1297.

Dan sabdanya:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: Siapa yang dikehendaki oleh Allah baginya kebaikan Dia akan memberikannya kefahaman dalam agama.

Riwayat at-Tirmizi dalam Kitab al-‘Ilm ‘an Rasulillah SAW, bab Idha Arada Allah bi ‘Abd Khairan Faqqahahu fi al-Din, hadith no. 2569 dan katanya hadith ini hasan lagi sahih.

Berkenaan kelebihan, ulama Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مَثَلَ الْعُلَمَاءِ فِي الْأَرْضِ كَمَثَلِ النُّجُومِ فِي السَّمَاءِ يُهْتَدَى بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ فَإِذَا انْطَمَسَتْ النُّجُومُ أَوْ شَكَ أَنْ تَضِلَّ الْهُدَاةُ

Maksudnya: “Sesungguhnya perumpamaan ulama di bumi sama seperti bintang-bintang di langit yang dijadikan panduan dalam kegelapan di daratan dan di lautan, andainya bintang-bintang itu terpadam lambat-laun akan sesatlah orang yang mencari panduan.”

Riwayat Ahmad dalam Musnad Anas bin Malik, Hadith no. 12139.

Dan sabdanya:

إِنَّ مَثَلَ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَصَابَ أَرْضًا فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتْ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتِ الْكَلَاءَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ أُخْرَى إِنَّمَا هِيَ قِيعَانٌ لَا تُمْسِكُ مَاءً وَلَا تُنْبِتُ كَلَاءً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فَقَهُ فِي دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ.

Maksudnya: “Perumpamaan petunjuk dan ilmu yang Allah utus aku membawanya adalah seperti hujan yang banyak menimpa bumi, antara bumi yang ditimpa hujan itu ada yang subur, ia menerima air (yang meresap ke dalamnya) lalu menumbuhkan tumbuhan dan rumput-rumput yang banyak dan antaranya pula keras (tidak meresap air ke dalamnya) ianya hanya menakung air lalu Allah memberi manfaat dengan (takungan)-nya kepada manusia, mereka (menggambil air itu untuk) minum dan

memberi minum kepada binatang ternakan serta menyiram tanaman mereka, manakala satu bahagian yang lain yang ditimpa hujan hanya merupakan permukaan yang keras dan licin, tidak menakung air dan tidak menumbuhkan tanaman. Itulah perumpamaan orang yang faham agama Allah dan mengambil manfaat daripada ilmu dan petunjuk yang Allah utus aku membawanya, dia mengetahui dan mengajarkannya (kepada yang lain) dan perumpamaan orang yang tidak mengangkat kepala (tidak pernah mengambil peduli) dan tidak menerima petunjuk Allah yang diutus aku membawanya.”

Riwayat al-Bukhari dalam kitab al-'Ilm, bab Fadl Man 'Alima Wa 'Allama, hadith no. 77, dan Muslim dalam Kitab al-Fada'il, bab Bayan ma Bu'itaha al-Nabiy SAW, hadith no. 4232.

Daripada Abu Umamah al-Bahili RA berkata:

ذَكَرَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلَانِ أَحَدُهُمَا عَابِدٌ وَالْآخَرُ
عَالِمٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ
كَفَضْلِي عَلَى أَدْنَاكُمْ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ
وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى
الْحُوتَ لِيُصَلُّونَ عَلَيَّ مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ.

Maksudnya: “Disebut kepada Rasulullah SAW dua lelaki, salah seorangnya ‘abid (yang kuat beribadat) dan seorang lagi yang alim (yang berilmu), lalu Rasulullah SAW bersabda: Kelebihan alim ke atas ‘abid adalah seperti kelebihanku ke atas orang yang paling rendah daripada kamu (umat). Kemudian Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya serta penghuni langit dan bumi

sehingga semut dalam sarangnya dan juga ikan berselawat (memohon rahmat) kepada orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.”

Riwayat at-Tirmizi dalam kitab al-'ilm 'an Rasulillah SAW, bab ma Ja'a fi Fadl al-Fiqh 'Ala al-'Ibadah, hadith no. 2609. Kata at-Tirmizi hadith ini hasan, gharib, sahih.

Prinsip Ilmu

قال العلامة الشيخ محمد بن أحمد السحيمي: ولا بد لمن أراد الخوض في علم على الوجه الأكمل أن يعرف المبادئ العشرة: حده، وموضوعه، وواضعه، واسمه، وغايته، وحكمه، ومقصوده، واستمداده، وفائدته، ونسبته.

Maksudnya: Kata Syaikh Muhammad bin Ahmad al-Suhaimi dalam syarah hudhudi² : Sesiapa yang ingin membicarakan sesuatu ilmu secara lebih sempurna hendaklah dia mengetahui sepuluh prinsip ilmu (المبادئ العشرة), iaitu:

Takrifnya,
Tajuknya,
Pengasasnya,
Namanya,
Matlamatnya,
Hukumnya,
Tujuannya,
Sumber yang diambilnya,

² Al-Suhaimi, Muhammad bin Ahmad bin 'Ali, al-Husni al-Qal'awi, (M. 1178H/1765M) faqih Misri, salah seorang tokoh ulama mazhab al-Shafii, antara karangannya dalam bidang aqidah Ithaf al-Murid Syarah Jauharat al-Tauhid dan al-Muqtadi Syarah Umm al-Barahin bagi al-Hudhudi (lihat Isma'il Basha al-Baghdadi, hadiyat al-'Arifin Min Kashf al-Zunun Dar al-Fikr jld 5 hlm 177, dan lihat al-Zirikli, Khairuddin, al-'Alam, Qamus Tarajum, Dar al-'Ilm li al-Malayin, Bayrut, cet. Ke-5, Mei 1980M, jld 1 hlm 243).

Faedahnya,
Nisbahnya dan kaedahnya.

Keterangan

Pertama: Takrif

Takrif ilmu ini ialah:

العلم بالعقائد الدينية الناشئة عن الأدلة اليقينية

Maksudnya: Terjemahannya (ilmu usuluddin ialah) ilmu mengenai aqidah agama yang terbit (terhasil) daripada dalil-dalil yang yakin.

Kedua: Tajuk

Tajuk perbincangan ilmu ialah: Mengenai zat Allah, Rasul dan Nabi-Nya, perbincangan dari segi perkara yang wajib, yang mustahil dan yang harus bagi-Nya dan bagi Rasul-rasul dan Nabi-nabi menurut hukum akal.

Ketiga: Pengasas

Pengasas ilmu ini ialah: (Al-Imam) Abu al-Hasan al-Ash'ari (أبو الحسن الأشعري) RHM.³

Keempat: Nama

Ilmu ini mempunyai beberapa nama, iaitu:

ilmu tauhid,

ilmu sifat,

ilmu akaid,

(أصول الدين) ilmu usuluddin

(علم عقائد) ilmu kalam.

³ Abu al-Hasan al-Ash'ari (260-324H/874-936M) 'Ali bin Isma'il bin Ishaq daripada keturunan Abu Musa al-Ash'ari RA dilahirkan di Basrah. Pada mulanya bermazhab Mukta'ilah (معتزلة)

Sebab dinamakan ilmu kalam (علم الكلام) kerana terdapat di dalamnya perbincangan mengenai ka lam (Allah) adakah ia *qadim* (قديم) atau *hadith* (حدث/baharu atau makhluk), sehingga ramai yang diseksa dan atau dibunuh kerana enggan mengatakan al-Quran itu makhluk, seperti yang diriwayatkan bahawa Ahmad bin Nasr al-Khuza'i⁴ (أحمد بن نصر الخزازي) salah seorang ulama Baghdad diperintahkan oleh al-Wathiq (الواثق)⁵ supaya berkata al-Quran itu makhluk tetapi beliau enggan lalu dipancung (dipenggal lehernya) dan digantung kepalanya di Baghdad dan diperintahkan supaya kepala yang digantung itu ditunggu serta dipalingkan dari arah kiblat, lalu orang yang menunggunya menceritakan kepada al-Wathiq bahawa dia melihat pada waktu malam kepala itu berpaling sendiri ke arah kiblat dan membaca surah Yassin (سورة يس) dengan bacaan yang fasih (suara yang jelas) atau menurut riwayat yang lain membaca firman Allah⁶:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يَتْرَكُوهُ أَنْ يَقُولُوا أَمْتًا وَأَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya: Manusia patutkah menyangka mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?

(Surah al-Ankabut, 2)

⁴ Ahmad bin Nasr bin Malik bin al-Haitham, Abu 'Abdillah al-Khuza'i, (meninggal pada 231H/846M) antara ulama Baghdad yang terkenal menolak pendapat yang mengatakan al-Quran itu makhluk. (Lihat al-Zirikliyy jld. 1, hlm. 264)

⁵ al-Wathiq Billah, Harun bin Muhammad al-Mu'tasim, Khalifah 'Abbasiyyah ke-9 (227-232H/842-847M) dilahirkan di Baghdad pada 200H/847M. (Lihat al-Munjid Fi al-'Alam hlm. 739)

⁶ Kisah ini disebut oleh Imam al-Suyuti dalam kitabnya Tarikh al-Khulafa', hlm 341. Katanya: Cerita ini diriwayatkan daripada beberapa jalan. (رويت هذه الحكاية من غير وجه)

Kelima: Matlamat

Matlamat atau tujuan mempelajari ilmu ini ialah untuk membezakan antara aqidah (عقيدة) yang sah (betul) daripada yang salah.

Keenam: Hukum

Hukum mempelajari ilmu ini ialah Fardu Ain ke atas setiap mukallaf dan mengenainya ialah soalan pertama yang akan ditanyakan kepada manusia sewaktu di kuburnya. Dalam sunan Abu Daud dan sunan Ibn Majah terdapat hadith yang panjang bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

... وَأَنْتُمْ مَسْئُولُونَ عَنِّي فَمَا أَنْتُمْ قَائِلُونَ. قَالُوا نَشْهَدُ أَنَّكَ قَدْ بَلَغْتَ
وَأَدَّيْتَ وَنَصَحْتَ....

Maksudnya: “Kamu akan ditanya tentang aku, maka apa yang akan kamu katakan? Jawab mereka, kami akan kata, bahawa engkau telah menyampaikan, engkau telah menunaikan dan engkau telah menasihati.”

Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah dalam Kitab al-Manasik bab Sifat Hajjat al-Nabi SAW. Hadith yang disebut oleh pengarang “تعلموا حججتكم” “فإنكم مسئولون” tidak didapati.

Ketujuh: Tujuan/Masalah yang dibincangkan

Tumpuan ilmu ini ialah masalah yang sabit (pasti) dalam ilmu usuluddin dengan bukti (برهان), seperti dikatakan jauhah (جوهر) dan ‘arad (عرض)⁷ itu baharu (makhluq) dan mensabitkan wujudnya Tuhan yang menjadikan alam ini serta mensabitkan sifat-sifat-Nya melalui dalil-dalil naqli daripada (al-Quran

⁷ Jauhar ialah benda yang wujud dan mengambil ruang dengan sendiri seperti kayu, batu dan sebagainya, lawannya ‘arad iaitu benda yang wujudnya menumpang pada jauhah seperti warna, rasa dan sebagainya.

dan hadith Nabi Muhammad SAW), seperti mensabitkan kembalinya (dihidupkan semula) jasad yang sudah hancur dan mensabitkan syurga dan neraka.

Kelapan: Sumber Yang Diambil

Tempat ambilan atau sumber ilmu ini ialah: al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW.

Kesembilan: Faedah

Faedah ilmu ini ialah untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat, mendapat ganjaran syurga yang kekal selamanya dan dapat melihat 'wajah' Allah SWT yang tiada seperti-Nya sesuatu.

Kesepuluh: Nisbah dan Kaedah

Nisbah ilmu ini ialah ilmu agama (yang terpenting kerana ilmu ini membincangkan aqidah yang merupakan asas atau tunjang agama)

Tujuan Utama Ilmu Ini

Tujuan utama ilmu usuluddin adalah untuk mengenal Tuhan Yang Maha Agung, kerana mengenal-Nya itu adalah fardu dan wajib atas setiap yang mencapai akil baligh. Justeru, hendaklah diketahui dengan iktikad yang *jazim* (pegangan atau kepercayaan yang pasti dan tidak bercampur keraguan) lagi tepat dalam hakikat yang sebenar, Iktikad sebegini tidak akan diperolehi kecuali dengan menurut al-Quran dan al-Sunnah, kerana mengikut keduanya akan hilanglah keraguan (syak, zan dan waham) dan dengan itu berhasillah ilmu yang yakin. Dengan itu diketahui, bahawa seluruh alam ini adalah tanda yang menunjukkan kepada Tuhan yang menciptanya Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui dan Dia-lah yang mendirikan tujuh lapis langit dan bumi, Dia-lah Tuhan yang 'wajib al-wujud' (واجب الوجود) lagi qadim dan kekal selamanya yang mentadbir segala yang wujud ini.

Kewujudan-Nya lebih nyata dan lebih jelas daripada sesuatu yang lain, kerana Dia-lah yang menyatakan dan mengadakan sekalian makhluk, Dia-lah yang menerangkan tujuh petala (lapis) langit dan bumi, tanpa cahaya-Nya yang menerangi tidak mungkin sesuatu itu akan nyata, maka jangan disangka bahawa Allah SWT terlindung oleh alam ini kerana yang terlindung itu pasti lemah. Sedangkan Allah SWT menguasai segala hamba-Nya berdasarkan firman Allah SWT:

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ ۚ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Dan Dia yang berkuasa ke atas sekalian hamba-Nya (dengan tadbir dan takdir);

(Suruh al-An'aam, 18)

Tujuan ilmu ini adalah untuk mensabitkan kesempurnaan zat (ذات) Tuhan dan mensabitkan juga baginya kesempurnaan dan keesaan-Nya dalam mencipta alam ini. Di samping itu, ilmu ini juga menafikan Allah SWT dengan segala sifat kekurangan dan persamaan dengan yang baharu (makhluk). Antara tujuan ilmu ini, adalah untuk mensabitkan bahawa Allah SWT telah mengutus ramai para rasul, dan mereka itu adalah manusia yang paling sempurna pada zaman masing-masing, memiliki sifat-sifat terpuji dan bebas daripada sifat-sifat kekurangan (sebagai seorang manusia) dan menjadi kewajipan kepada setiap orang membenarkan apa-apa yang dikhabarkan oleh para rasul itu kerana semuanya adalah benar (حق).

Kategori Iman

Secara umumnya, tahap keimanan manusia terbahagi kepada dua, iaitu:

- (1) Tahap keimanan bagi seseorang yang bertaklid (*muqallid*) dan
- (2) Tahap keimanan bagi seseorang yang arif (عارف)

Keterangan

Pertama: Tahap keimanan bagi seseorang yang bertaklid

Iman atau iktikad (إعتقاد) bagi seseorang yang bertaklid ialah keyakinan iktikad kepada yang pasti (jazim) bertepatan dengan hakikat yang sebenar dan ia terbit daripada jantung hatinya, membenarkan apa yang dikhabarkan kepadanya tanpa sebarang dalil dan bukti (burhan).

Kedua: Tahap keimanan bagi seseorang yang arif

Iman bagi seseorang yang arif pula terbahagi kepada tiga peringkat:

Pertama: Tahap keyakinan yang pasti (jazim) bertepatan dengan hakikat yang sebenar yang ada pada Allah SWT berdasarkan kepada dalil dan bukti yang timbul dari kesedaran diri sendiri, dan bukan hanya berpegang pada kata-kata orang lain. Tahap keimanan ini terdapat pada kebanyakan orang.

Kedua: Tahap keyakinan yang pasti (jazim) bertepatan dengan hakikat yang sebenar dan telah sehati dalam sanubari (menjadi darah daging) sehingga tidak lagi perlu kepada dalil dan bukti (seperti mengetahui sejak dari kecil gula itu manis dan garam itu masin tanpa perlu dibuktikan hakikat gula dan garam). Tahap keimanan ini terdapat pada golongan *khawas* (خواص/pilihan), tahap mereka itu lebih tinggi daripada tahap keimanan golongan pertama.

Ketiga: Tahap yang paling tinggi ialah tahap keimanan golongan yang merasai (تجلى/ tajalli) Tuhan dalam mata hatinya, sehingga hilang daripada perasaannya kewujudan yang lain daripada Allah SWT. Tahap keimanan ini adalah tahap golongan *khawas al-khawas* (الخواص خواص/kalangan terpilih dalam kalangan terpilih).

Hakikat Sesuatu yang diketahui Wujud

Kata Syeikh Najmuddin al-Nasafi⁸ dalam kitabnya (عقائد
النسفي / akaid al-nafsi)

قَالَ أَهْلُ الْحَقِّ: حَقَائِقُ الْأَشْيَاءِ ثَابِتَةٌ، وَالْعِلْمُ بِهَا مُحَقَّقٌ.

Terjemahannya

Kata Ahl al-Haq (ulama ahl as-Sunnah wal Jamaah): Hakikat
sebenarnya sesuatu perkara/ benda yang diyakini dibuktikan
dengan kebenaran pasti kewujudannya, dan ilmu pengetahuan
tentangnya telah dibuktikan.

Ertinya, hakikat sesuatu itu bukan khayalan seperti
anggapan golongan sesat (سوفسطائية⁹) yang menafikan
hissiyat dan badihiyyat (yang zahir dan mudah diketahui).
Contoh, seperti manusia yang hakikatnya adalah haiwan yang
boleh berkata, boleh digambarkan (sifatnya) dan (perkara ini)
boleh dibuktikan.

Sebab Sesuatu atau Sumber Ilmu

Kata Syeikh lagi:

أسباب العلم للخلق ثلاثة، الحواس السليمة والخبر الصادق والعقل

Terjemahan

Punca-punca untuk mendapat ilmu pengetahuan
mengenai sesuatu ciptaan ada tiga, pancaindera yang
sihat sempurna, perkhawaran yang benar (seperti khabar
dari Rasulullah SAW berdasarkan mukjizat), penggunaan
akal yang waras.

⁸ Beliau ialah Najm al-Din, 'Umar, Abu Hafs, (M. 537H/1142M) ahli fiqah bermazhab Hanafi dan mahir dalam ilmu kalam (lihat al-Munjid fi al-A'lam, hlm. 708).

⁹ Sufsatayyah ialah satu kumpulan ahli falsafah yang menafikan perkara-perkara yang zahir dan nyata yang boleh diketahui dengan mudah (lihat al-Munjid fi al-Lughah wa al-a'lam, hlm. 337).

Keterangan

► **Pancaindera yang sihat sempurna**

Pancaindera ialah deria yang lima, iaitu:

- Deria pendengaran
- Deria penglihatan
- Deria bau
- Deria rasa
- Deria sentuhan

Deria pendengaran dijadikan untuk telinga bagi mengesan suara, deria penglihatan pula dijadikan untuk mata bagi mengesan warna, rupa bentuk dan sebagainya. Deria bau dijadikan untuk hidung bagi mengesan bau wangi, busuk dan sebagainya, manakala deria rasa dijadikan untuk lidah bagi mengesan rasa manis, masam dan sebagainya. Deria sentuhan dijadikan pada seluruh tubuh (kecuali rambut/bulu dan kuku) bagi mengesan panas, sejuk kesat, halus dan sebagainya.

Setiap satu deria dari lima itu hanya terbatas kepada anggota tubuh tertentu, dikesan benda dengan penglihatan menggunakan mata bukan telinga, dan dikesan bunyi dengan telinga kemudian benda yang berbau dihidu dengan hidung dan begitulah seterusnya. Setiap anggota mempunyai fungsi deria masing-masing adalah bukti kejadian Allah SWT yang berlaku secara adat kebiasaan sahaja kerana bukan mustahil sesuatu deria itu dijadikan oleh Allah SWT pada anggota yang lain. Allah SWT Maha Berkuasa untuk menjadikan deria pendengaran pada anggota lain selain telinga, sama juga seperti dijadikan pada seluruh tubuh deria sentuhan dan begitulah juga dengan deria-deria yang lain.

► Perkhabaran yang benar

Perkhabaran yang benar terbahagi kepada dua jenis. Pertama: Khabar mutawatir, iaitu perkhabaran yang disampaikan oleh sejumlah orang ramai, yang tidak mungkin bagi mereka membuat pakatan untuk mendustakan (untuk mengada-adakan sesuatu perkhabaran yang lain). Khabar yang mutawatir menghasilkan ilmu *dharuri* (ضروري), iaitu pengetahuan yang tidak memerlukan kajian dan usaha seperti pengetahuan mengenai raja-raja (dan kerajaan) di zaman silam. Contohnya Kerajaan Sulaiman dan Zulkarnain (ذو القرنين), tempoh masa yang lalu iaitu beberapa tahun bulan dan hari, pengetahuan tentang adanya negara-negara yang jauh seperti Iraq, Mesir dan lain-lain (bagi tidak pernah mengunjunginya). Semua itu menghasilkan ilmu yang pasti lagi jelas dan tidak dapat disangkal lagi.

Jenis kedua iaitu perkhabaran rasul yang disokong dengan mukjizat, yakni sesuatu perkhabaran yang terbit daripada seorang pesuruh Allah SWT yang menunjukkan benar dakwaannya bahawa dia adalah pesuruh Allah SWT dan dakwaan itu disokong atau disertakan dengan perkara luar biasa. Perkhabaran rasul itu menghasilkan ilmu pengetahuan dan *istidlal* (mengemukakan dalil), dan ilmu pengetahuan berasal daripada perkhabaran rasul adalah menyamai ilmu *dharuri* (ضروري) dari segi kesahihan dan kepastian. Oleh kerana itu boleh dikatakan seperti berikut: 'Perkhabaran kerasulan adalah melalui mukjizat, setiap perkhabaran yang sabit dengan mukjizat adalah yakin dan pasti'. Hal ini menunjukkan bahawa khabar mutawatir dan perkhabaran rasul itu kedua-duanya menghasilkan ilmu pengetahuan yang yakin dan pasti. Cuma perbezaan antara kedua-duanya ialah, ilmu pengetahuan dari perkhabaran rasul itu hanya berhasil bagi Ahl *al-Istidlal* (seorang faqih yang ingin mengistinbatkan sesuatu hukum), manakala ilmu daripada mutawatir tidak diisyaratkan dan tidak perlu kepada *istidlal* (mencari dalil).

► Akal yang waras

Akal fikiran juga adalah sebab bagi memperolehi ilmu pengetahuan, ilmu yang diperolehi (melalui akal) secara mudah dan mudah dinamakan ilmu dharuri (ضروري), seperti kita mengetahui bahawa keseluruhan sesuatu itu lebih besar daripada bahagian-bahagian (الكل أعظم من الجزء). Contohnya rumah lebih besar daripada tiangnya, satu adalah separuh dari dua tetapi dua kurang dari sepuluh. Manakala ilmu yang diperolehi dengan istidlal atau kaji selidik dinamakan (كسبي) seperti dihukumkan bahawa alam ini baharu kerana ia dilihat berubah-ubah dan setiap yang berubah-ubah itu pasti baharu.

Pembahagian Ilmu

Ilmu pengetahuan dibahagi kepada dua. **Pertama:** Gambaran (تصور/tasawwur). **Kedua:** Membenarkan (تصديق/tasdik). Makna tasawwur ialah mendapatkan (atau menggambarkan dalam diri) tentang kejadian atau hakikat sesuatu tanpa disandarkan dengan nafi atau *isbat* (menafikan atau mengiakan), sepertimana kita tasawwurkan hakikat alam ini iaitu setiap yang lain wujud selain Allah SWT.

Makna tasdik pula ialah memberikan pandangan sesuatu kejadian serta menghukum ke atasnya dengan penafian atau pengisbatan, seperti mengatakan alam ini baharu bukan *qadim*. Pengertian hukum pula ialah mengisbatkan sesuatu perkara atau menafikannya (إثبات أمر أو نفيه), seperti mengatakan alam ini bersifat baharu untuk pengisbatan dan alam ini bukan bersifat *qadim* untuk penafian.

Pembahagian Hukum

Pengisbatan atau penafian sesuatu hukum itu kadang-kadang menggunakan dalil syarak (شرع), kadang-kadang menggunakan akal dan kadang-kadang menggunakan adat kebiasaan. Oleh itu, pembahagian hukum itu terbahagi kepada tiga, iaitu:

Pertama: Hukum syarak

Kedua: Hukum adat (عادة)

Ketiga: Hukum akal

Keterangan

Hukum syarak (حکوم شرع)

Hukum syarak ialah berdasarkan dengan perkataan Allah SWT (خطاب الله) atau kalam Allah SWT yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf, samada berkaitan dengan tuntutan (طلب) atau keharusan (الإباحة) atau tanda yang menunjukkan kedua-duanya (الواضع لهما). Termasuk juga dalam tuntutan itu empat perkara berikut, iaitu (1) wajib (إِجَابٌ), (2) sunat (نَدْبٌ), (3) haram (تَحْرِيمٌ), (4) makruh (مَكْرُوهٌ).

Keterangan

Wajib (إِجَابٌ) ialah perintah yang mesti dilaksanakan (mesti dibuat), seperti perintah beriman dengan Allah SWT dan rasul-rasul Nya dan perintah meyakini rukun-rukun Islam (قواعد الإسلام).

Sunat (نَدْبٌ) pula ialah perintah pelaksanaan yang bukan kemestian, seperti sembahyang sunat subuh.

Haram (تَحْرِيمٌ) ialah perintah supaya meninggalkan (mesti dijaui), seperti larangan minum arak.

Manakala makruh (مَكْرُوهٌ) ialah perintah supaya meninggalkan yang bukan kemestian, seperti membaca al-Quran ketika rukuk.

Makna harus (إِباحة) ialah, keizinan syarak (شرع) untuk melakukan sesuatu perbuatan atau meninggalkannya tanpa memberi pemberat (ترجيح) kepada salah satu dari yang lain, seperti makan roti dan memakai kapas.

Kesemua yang lima ini dinamakan dengan hukum taklifi (حکوم تکلیفی), manakala hukum yang ditentukan oleh syarie (شارع) iaitu Allah SWT dan rasul-Nya untuk menunjukkan kepada salah satu daripada hukum taklifi yang lima itu dinamakan hukum wad'ie (وضعی حکوم).

Hukum wad'ie (حکوم وضعی) pula mempunyai lima pembahagian, iaitu syarat (شرط), penghalang (مانع) sebab (سبب), sah (صحیح), batal (فاسد).

Keterangan

Maksud syarat (شرط) ialah perkara yang lazim kemestian (sebagai aras penanda), dalam erti yang lain adakah sesuatu itu sudah sempurna syaratnya (شرط) atau sudah ada sebab menyebabkan syarat itu wujud (مشروط). Tidak menjadi suatu kemestian (untuk mensabitkan hukum) apabila sesuatu perkara telah mempunyai syarat (شرط) dan telah ada sebab berlaku ke atas syarat itu (مشروط); ataupun tidak. Hal ini berdasarkan contohnya seperti cukup tempoh setahun (حول) adalah syarat wajib mengeluarkan zakat. Oleh itu, ketidakcukupan haul (حول) menyebabkan tidak wajib mengeluarkan zakat. Akan tetapi tidak menjadi kemestian jika telah cukup haul (حول) untuk mengeluarkan zakat. Hal ini jika dilihat dari sudut cukup tempoh setahun (حول) semata-mata, adapun jika dilihat dari sudut-sudut yang lain kadang-kadang ia telah cukup haul (حول) akan tetapi mempunyai halangan (مانع) disebabkan harta itu diberihutang kepada orang lain (dan hutang itu masih belum dibayar), atau tidak wajib zakat disebabkan tiada sebab.

Sebab wajib zakat itu ialah cukup nisab.

- Maksud *mani'* (مانع) ialah perkara yang mesti daripada ada *mani'* itu tidak ada hukum dan tidak mesti daripada tidak ada *mani'* ada hukum atau tidak ada hukum,

dengan dilihat kepada mani' itu semata-mata, contohnya seperti haid, mesti daripada haid tidak wajib solat, tetapi tidak mesti daripada ketiadaan haid wajib solat atau tidak wajib solat. Ini jika dilihat kepada haid itu semata-mata, adapun jika dilihat dari sudut yang lain, maka kadang-kadang tidak ada haid tetapi tidak wajib solat kerana ketiadaan syarat (wajib solat) iaitu berakal, atau ketiadaan sebab (wajib solat) iaitu, masuk waktu.

- Maksud sebab ialah, perkara yang mesti daripada ada sebab ada musabab dan mesti daripada ketiadaan sebab tiada musabab, jika dilihat kepada musabab itu semata-mata. Contohnya, gelincir matahari sebab bagi wajib solat zuhur. Maka mesti daripada gelincir matahari wajib solat zuhur dan mesti daripada ketiadaan gelincir matahari tidak wajib solat zuhur jika dilihat kepada gelincir matahari itu semata-mata. Jika dilihat dari sudut yang lain, maka kadang-kadang ada gelincir matahari tetapi tidak wajib solat zuhur kerana ketiadaan syarat iaitu berakal, atau ada *mani'* iaitu haid.
- Maksud sahih ialah, perkara yang diambil kira dan dianggap lulus.
- Maksud *fasid* (batal) ialah, perkara yang tidak diambil kira dan tidak lulus, seperti solat. Solat yang sah ialah solat yang sempurna syarat dan rukunnya dan batal apabila ketiadaan satu syarat atau rukunnya.

Lima hukum *wad'ie* ini, jika didarabkan (dikalikan) dengan lima hukum syarak sebelum ini jadilah jumlahnya dua puluh lima, kerana setiap satu daripada hukum syarak itu ada syarat, *mani'*, sebab dan sah atau batal.

▶ **Hukum Adat** (حکوم عادة)

Hukum adat ialah mengisbatkan ikatan antara satu perkara dengan perkara yang lain dari segi ada atau tiada dengan cara berulang-rulang (berlakunya ikatan itu), serta harus menyalahi (adat itu) dan tidak memberi kesansama sekali salah satunya kepada yang lain. Ikatan itu terbahagi kepada empat bahagian:

Ikatan ada dengan ada, seperti ada kenyang disebabkan ada makan.

Ikatan tiada dengan tiada, seperti tiada kenyang disebabkan tiada makan.

Ikatan ada dengan tiada, seperti ada lapar disebabkan tiada makan.

Ikatan tiada dengan ada, seperti tiada lapar disebabkan ada makan.

▶ **Hukum Akal** (حکوم عقل)

Hukum akal itu ialah mengisbatkan satu perkara bagi satu perkara yang lain atau menafikannya tanpa terhenti (disyaratkan) berulang-ulang (berlakunya) dan tanpa terhenti atas yang menetapkannya (بدون وضع واضح).

Hukum yang Dimaksudkan dalam Perbincangan Ilmu Usuluddin

Antara tiga hukum di atas, iaitu hukum syarak, hukum adat dan hukum akal, yang dimaksudkan dalam pembicaraan ilmu usuluddin hanyalah hukum akal, hukum syarak tidak dapat ditasawwurkan padanya, kerana ia dihukumkan bagi zat Tuhan kita, seperti dikatakan: Wajib bagi Allah bersifat qudrat.

Maka erti wajib bagi Allah bersifat qudrat itu ialah wajib aqli, iaitu perkara yang tiada tasawwur (tidak boleh diterima) pada akal tiadanya. Dan tidak boleh dikatakan wajib syarie, iaitu perkara yang diberi pahala bagi orang yang mengerjakan dia dan diseksa orang yang meninggalkannya. Oleh itu tidak boleh ditasawwur wajib syarie bagi Tuhan kita kerana wajib syarie itu hanya bagi mukallaf.

Menurut bahasa Arab, ungkapan yang menunjukkan wajib aqli disebut (ويجب له تعالى) atau (ويجب في حقه تعالى) maksudnya wajib bagi-Nya atau wajib pada hak-Nya SWT'. Manakala wajib syarie disebut (ويجب على كل مكلف) maksudnya 'wajib atas setiap mukallaf'.

Bahagian Hukum Akal

Hukum akal terbahagi kepada tiga bahagian, wajib (الوجوب), mustahil (الإستحالة) dan harus (الجواز). 'Wajib' itu ialah, perkara yang tidak diterima akal tiadanya dan 'mustahil' itu perkara yang tidak diterima akal adanya, manakala 'harus' ialah perkara yang diterima akal adanya atau tiadanya.

Berkata Syeikh Tilmisani¹⁰:

Perkara yang dihukum sabit oleh akal dan tidak diterima akal nafinya itulah wajib. Contohnya: Jirim mesti bersifat dengan gerak atau diam, salah satunya dalam masa yang berlainan. Dan barnag yang dihukum nafi (tidak) oleh akal dan tidak mungkin sabitnya itulah mustahil, contohnya: Sunyi jirim daripada gerak dan diam dalam masa yang sama. Dan perkara yang mungkin pada akal adanya dan tiadanya


¹⁰ Mungkin Tilmisani yang dimaksudkan ialah Muhammad bin al-Abbas bin Muhammad bin 'Isa (M. 871H/1467M) seorang ahli fiqah dan nahu (lihat Al-Zirikliy, jld. 6, hlm 183).

itulah harus, contohnya: Bersifat jirim dengan gerak atau diam pada masa tertentu. Kerana harus pada akal jirim itu bergerak selama-lamanya tidak diam, atau diam selama-lamanya tidak bergerak.

Tiap-tiap satu daripada tiga itu (wajib, mustahil dan harus) kadang-kadang *daruri* (ضروري) dan kadang-kadang *nazari* (نظري). Maka wajib *daruri* itu ialah perkara yang didapati dengan tidak memerlukan akal untuk berfikir dan mengkajinya, seperti didapati jirim itu mengambil tempat sekadar saiznya. Maksud jirim ialah benda yang memenuhi tempat lapang (mengambil ruang), seperti kayu, batu, jasad manusia atau haiwan dan sebagainya.

Mustahil *daruri* pula seperti sunyi jirim daripada gerak dan diam. Sementara mustahil *nazari* pula seperti adanya sekutu bagi Allah (Maha Suci Allah daripada yang demikian) kerana mustahil adanya sekutu bagi Allah, tidak boleh didapati melainkan setelah berfikir dan mengkaji. Manakala harus *daruri* seperti gerak dan diam bagi jirim pada masa tertentu dan harus *nazari* seperti mengazab orang yang taat (مطيع) dan memberi pahala kepada orang yang derhaka (عاصي).

Sesungguhnya dimulakan dengan pembahagian hukum akal kerana setiap mukallaf dituntut mengenal perkara yang wajib bagi Allah, yang harus dan yang mustahil ke atas-Nya, dan tidak dapat dia menghukum ke atas sesuatu dengan wajib atau mustahil atau harus sehingga dia mengetahui hakikatnya terlebih dahulu, seperti kita hukumkan wajib jirim mengambil lapang setelah kita ketahui erti wajib itu sebelum menghukum.



Kitab asal terjemahan al-Durr al-Thamin Fi'Aqid Al-Mukminin yang dicetak dengan tulisan jawi dalam bahasa melayu klasik



BAB 2
MENGENAL SIFAT-SIFAT
ALLAH

MENGENAL SIFAT-SIFAT ALLAH

Kewajipan Mukallaf

Setiap mukallaf wajib (menurut hukum syarak) mengenal sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT, sifat yang harus dan yang mustahil bagi-Nya, begitu juga menjadi kewajipan kepada mukallaf mengetahui Rasul-rasul AS. Makna mukallaf ialah orang yang mencapai tahap akil baligh, iaitu orang yang dipertanggungjawabkan dengan menunaikan segala perkara yang wajib, menjauhi yang haram, digalakkan melakukan perkara yang sunat dan meninggalkan yang makruh. Dan keluar dengan kata menurut hukum syarak Mazhab Muktazilah¹¹ (معتزلة), kerana menurut mereka mengenal Allah itu wajib dengan akal bukan dengan syarak.

Sama dengan pendapat Muktazilah ini Mazhab Maturidiyyah¹² (الماتريدية). Kata Imam Abu Hanifah, dalam salah satu riwayat daripadanya: Jika Allah tidak mengutus Rasul, makhluk (manusia) tetap wajib mengenal-Nya dengan akal mereka tidak diazab kerana tidak mengenal-Nya, kerana firman Allah SWT:

¹¹ Muktazilah adalah mazhab aqidah yang diasaskan oleh Wasil bin 'Ata' (80-131H) (واصل بن عطاء) mereka digelar al-Qadariyah kerana mengatakan hamba berkuasa melakukan perbuatan sendiri dan menafikan qadqad dan qadar Allah, dan digelar juga dengan al-Mu'attilah (معطلة) kerana mereka menafikan sifat ma'ani bagi Allah SWT (lihat al-Dhahabi, jld. 1 hlm 348-349).

¹² Mazhab al-Maturidiyyah diasaskan oleh Muhammad, Abu Mansur al-Samarqandi meninggal pada 333H/944M, beliau adalah seorang ulama fiqah bermazhab Hanafi di samping seorang ulama kalam yang mempertahankan aqidah Ahl al-Sunnah, menentang Muktazilah dan golongan-golongan lain seperti al-Qaramitah (القرامطة). (al-Munjid fi al-a'lam hlm 624)

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا

Maksudnya: Dan kami tidak menyiksa sehingga Kami bangkitkan rasul.

(Surah al-Isra': 15)

Manakala menurut Mazhab Asha'irah (أشاعرة) tidak wajib makrifat melainkan dengan dalil syarak, kerana firman Allah di atas yang difahami daripadanya bahawa tidak ada hukum sebelum ada syarak iaitu kebangkitan rasul.

Hakikat Makrifah (معرفة)

Hakikat makrifah itu ialah: (الجزم الموافق للحق عن دليل).

Maksudnya: *Jazam*¹³ yang bertepatan dengan yang sebenar berdasarkan dalil.

Maka keluar dengan kata *jazam* itu, *syak*, *zan* (ظن) dan *waham* (وهم). Makna *syak* ialah *taraddud* (berbelah bagi) antara dua perkara (kepercayaan) secara sama berat, dan *zan* berat sebelah adanya ringan sebelah tiadanya, manakala *waham* sebalik kepada *zan*. *Syak*, *zan* atau *waham* (dalam iktikad) tidak dinamakan *makrifah* dan tidak memadai untuk memenuhi tuntutan syarak tentang hak Allah SWT dan hak rasul-rasul AS. Dan keluar dengan kata: "*Jazam* yang bertepatan dengan yang sebenar," *jazam* yang tidak bertepatan dengan yang sebenar, kerana ia tidak dinamakan *makrifah*, malah dinamakan jahil *murakab* (جهل مركب/jahil yang bertindih), seperti *jazam Nasara* (نصارى) bahawa tuhan itu tiga, mereka berkata: Allah itu yang tiga daripada tiga, iaitu bapa, anak, iaitu Isa AS dan ibu iaitu Maryam. Begitu juga *jazam* penganut agama Majusi yang mengatakan bahawa tuhan itu dua, satu tuhan yang menjadikan kebaikan

¹³ Keyakinan yang teguh.

namanya Yaz dan dan al-Nur (cahaya) (يزدان والنور), itulah Allah SWT, kerana itulah mereka menyalakan api berterusan. Dan satu lagi yang menjadikan kejahatan, namanya Ahar min al-Zulmah (أهر من الظلمة) itulah syaitan. Mereka tidak mengetahui adanya nabi dan kitab yang diturunkan.

Kenyataan “Berdasarkan dalil,” itu berlainan *jazam* yang berbetulan dengan yang sebenar tanpa mengetahui dalil, *jazam* ini juga tidak dinamakan *makrifah*, malah dinamakan taklid. Erti taklid itu ialah mengikut pendapat dan iktikad orang lain tanpa mengetahui dalilnya. Apabila kita mengetahui dalilnya maka kita adalah *arif* (عارف), tidak lagi dinamakan bertaklid. Taklid dalam ilmu usuluddin tidak harus, tetapi dalam ilmu fiqah kita wajib bertaklid kepada salah satu mazhab yang empat dan tidak harus ijthihad (Kecuali bagi orang yang memiliki ilmu dan kelayakan yang sempurna).

Permasalahan

Jika dikatakan, taklid dalam ilmu usuluddin itu dicela, yang terpuji ialah orang yang tidak bertaklid, tetapi hal ini sukar bagi kebanyakan orang, kerana tidak ada cara untuk mengetahui dalil melainkan dengan mengambil daripada pengajaran guru.

Jawapannya

Dengan mempelajari dalil daripada guru dan ulama tidak bererti seseorang itu bertaklid, malah setelah diketahui dalilnya maka jadilah dia *arif* (عارف), dan ini tidak dicela, hanya yang dicela jika dipelajari dalilnya daripada orang lain tetapi dia kekal menurut katanya tanpa menggunakan dalil itu untuk berfikir dan mengkaji. Contohnya: seperti melihat bulan, bagi orang yang melihat zat bulan berhasillah baginya *makrifah* dan dia dinamakan arif, kemudian apabila dia menceritakan dalil (adanya bulan) kepada orang lain, antara mereka ada yang melihat dalilnya tetapi tidak melihat

zat bulan yang lain langsung tidak melihat kepada dalil dan kepada bulan, malah hanya percaya penuh kepada orang yang menceritakan adanya bulan. Kedua-dua mereka ini dinamakan *muqallid* (beraklid), tetapi yang melihat dalil dinamakan bertaklid pada dalil dan yang tidak melihat dalil dinamakan bertaklid pada sifat.

Pendapat Ulama Tentang Orang Bertaklid dalam Aqidah Tauhid

Terdapat perbezaan pendapat ulama tentang orang yang bertaklid dalam aqidah tauhid, adakah memadai taklidnya (sah aqidahnya) jika iktikadnya *jazam* tiada *taraddud*, (yakni, andainya orang yang diikutnya berubah pendirian dan menolak iktikad itu dia tidak akan menolaknya). Inilah taklid yang menjadi perbezaan pendapat ulama mengenainya, adapun taklid yang tidak *jazam* (putus) yang sekiranya orang yang diikut itu berubah pendirian dan menolaknya dia juga akan turut menolak, taklid ini adalah tidak sah dan orang bertaklid itu adalah dianggap kafir menurut semua pendapat (*ittifak*) ulama. Keduanya; adakah orang yang bertaklid tidak berdosa, atau berdosa kerana tidak berfikir mencari dalil?

Jumhur ulama berpendapat; jika orang yang bertaklid itu mampu berfikir, maka taklidnya sah tetapi dia berdosa. Akan tetapi jika dia tidak mampu berfikir, maka taklidnya sah dan tidak berdosa.

Menurut pendapat Abu Hashim al-Jubba'i¹⁴ (الجبائي) salah seorang ulama Muktazilah: orang yang bertaklid itu

¹⁴ Al-Jubba'i, Abu Hashim, 'Abd al-Salam bin Muhammad meninggal pada 321H/933M, salah seorang ulama Muktazilah yang terkenal, bapanya Abu 'Ali, Muhammad bin Abd al-Wahhab meninggal pada tahun 303H/915M salah seorang Imam Muktazilah. Guru kepada Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari. (Lihat al-Munjid fi al-A'lam him 207)

Ingin membaca buku ini lebih lanjut?
Dapatkan naskhah anda di:

Bahagian Penerbitan Jakim
Aras 1, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 W.P. Putrajaya.

No. Tel : 03-8886 4575

maksiat secara zahir dan batin. Dengan cara membersihkan diri daripada kedua-dua (daripada zahir dan batin) berserta dengan niat ikhlas melakukan amalan, seseorang itu dapat mendekati diri kepada keredaan Allah SWT iaitu dia reda kepada Allah SWT (berpuas hati atas segala nikmat yang diberikan oleh Tuhannya) serta Allah SWT reda juga padanya. Makam ini adalah sebesar-besar makam yang dituntut oleh orang yang diberi jalan (السالك إلى الله).

Penutup Oleh Pengarang Asal

Bab ini adalah bab terakhir kitab yang aku terjemah. Kitab ini menceritakan ilmu *'aqā'id al-tauhid*. Saya berharap kepada Allah SWT agar dijadikannya (usaha ini) suatu perkerjaan ikhlas bagi menceritakan zat-Nya Yang Maha Mulia serta usaha ini bersih daripada sikap *riyak* dan harapan juga semoga aku selamat dari tipu daya syaitan yang direjam. Saya juga berharap supaya diriku selamat daripada nafsu amarah kerana sesiapa yang cenderung kepada salah satunya (*riyak* atau nafsu amarah) maka sesungguhnya sesatlah dia daripada petunjuk. Saya berharap juga agar diberikan kepada kita semua pertolongan dan petunjuk supaya dapat menjawab dengan betul ketika ditanya di dalam kubur, dan pertolongan ketika di Padang Mahsyar dan ketika melalui Sirat al-Mustaqim. Kemudian kami mengucapkan selawat dan salam yang berpanjangan kepada yang sentiasa bersifat kasih sayang iaitu Nabi kita Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda SAW, para sahabat Baginda serta orang yang memilih mengikut jalan Baginda.

الحمد لله الذي هدانا لهذا، وما كنا لنهتدي لولا أن هدانا الله، وصلى
الله على سيدنا محمد كلما ذكره الذاكرون وكلما غفل عن ذكره الغافلون.

Telah selesailah (usaha) seorang hamba bersifat lemah memerlukan kepada Rahmat Tuhannya yang Maha Kaya (الفقير المحتاج إلى رحمة ربه الغني / *al-faqir al-muhtaj ila rahmati rabbihi al-Ghaniyy*) Daud bin Abdullah Fatani menterjemahkan kitab *al-Durr al-Thamin fi Bayan 'Aqid al-Mukminin* (الدر الثمين في بيان عقائد المؤمنين) pada waktu Zuhur, hari Sabtu tujuh belas hari bulan Syawal seribu dua ratus tiga puluh Hijrah Nabi SAW (17 Syawal 1232H) di negeri Mekah al-Musharrafah.

حامدا ومصليا ومسلما على نبيه صلى الله عليه وسلم. والحمد لله رب العالمين.

Penutup Oleh Pentahkik

Demikianlah selesainya saringan, suntingan, *tahqiq* dan penambahan kitab *al-Durr al-Thamin* karangan Syeikh Daud al-Fatani Rahimahullah. Pentahkik amat bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan-Nya, zahir dan batin antaranya ialah pertolongan dan taufik-Nya kepada pentahkik untuk memulakan dan menyiapkan penyuntingan ini walaupun dalam serba kekurangan disebabkan kekurangan ilmu dan kurang pembacaan.

Dalam kesempatan ini pentahkik mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak khususnya sahabat-sahabat yang telah membantu dalam apa jua bentuk bantuan bagi menyiapkannya, disamping itu pentahkik mengharapkan daripada yang berkecukupan membuat pembetulan dan teguran ikhlas membina seandainya terdapat di dalamnya kesalahan dan kesilapan.

Akhirnya pentahkik mengharapkan usaha ini diterima oleh Allah SWT sebagai amal soleh seterusnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam yang cintakan ilmu, khususnya yang berminat untuk memahami kandungan kitab *al-Durr al-Thamin* yang sudah berusia dua ratus tahun.

ولله الحمد والمنة، لأحصي ثناء عليه كما أثنى على نفسه، وصلى الله
وسلم على خير خلقه وأفضل أنبيائه وصفيه. وآخر دعوانا أن الحمد لله
رب العالمين.

Dr. Abd. Wahab Md Salleh
Kg. Sg. Ramal Dalam, Kajang,
Selangor Darul Ehsan
(Bekas Pensyarah Jabatan Pengajian al-Quran & as-Sunnah,
UKM)



BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Kitab-Kitab Tafsir

Al-Baidawi, Nasiruddin Abu Said, Abdullah bin Umar,
Anwar al-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil/ Tafsir al-Baidawi.

Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad ibn Ahmad
al-Ansari al-Maliki, *al-Jami' li Ahkam al-Quran/
Tafsir al-Qurtubi.*

Al-Sawi, Ahmad ibn Muhammad al-Maliki al-Khalwati,
Hashiyah al-Sawi 'ala Tasir al-Jalalain.

Al-Zuhaili, Wahbah, *al-Tafsir al-Munir.*

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail ibn Umar ibn Kathir al-Qurashi,
Tafsir al-Quran al-'Azim/ Tafsir ibn Kathir.

Ismail Haqqi ibn Mustafa al-Istanbulli al-Hanafi al-Khalwati,
Tafsir Ruh al-Bayan/ Tafsir Haqqi

Prof. T.M. Hasbi dan lain-lain, *Al-Quran dan terjemahannya.*

Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran.*

Sheikh Abdullah Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada
pengertian Al-Quran.*

Tantawi, Dr. Muhammad al-Sayyid, *Tafsir al-Wasit.*

Kitab-kitab Hadith

Abu Daud, Sulaiman ibn al-Ash'ath, *Sunan Abi Daud*.

Ahmad ibn Hanbal, al-Imam, *Musnad al-Imam Ahmad*.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al-Mughirah,
Abu Abdillah, *Sahih al-Bukhari*.

Al-Darimi, Abdullah ibn Abd al-Rahman, Abu Muhammad,
Sunan al-Darimi.

Al-Hakim, Muhammad ibn Abdullah, Abu Abdillah
al-Naisaburi, *al-Mustadrak 'ala as-Sahihain*.

Al-Suyuti, Abd al-Rahman ibn Abu Bakr, al-Jami' *al-Saghir*.

An-Nasaie', Abu Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'ib ibn Ali,
Sunan an-Nasaie'.

At-Tirmizi, Abu Isa, Muhammad bin Saurah ibn Musa ibn
Dahhak, *Sunan at-Tirmizi*.

Ibn Hajar, Ahmad ibn Ali ibn Hajar, Abu al-Fadhl, al-'Asqalani,
al-Hafiz, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*.

Ibn Hibban, Muhammad ibn Hibban ibn Muhammad ibn
Hibban al-Busti, *Sahih Ibn Hibban, tartib 'Ali ibn Balban ibn
Abdillah al-Farisi*.

Ibn Majah, Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid al-Qazwini,
Sunan Ibn Majah.

Muslim ibn Hajaj, Abu al-Husain al-Qushairi al-Naisaburi,
Sahih Muslim.

Lain-lain

Al-Baihaqi, Abu Bakar, Ahmad ibn al-Husain ibn 'Ali ibn Musa,
I'tiqad.

- Adz-Dhahabi, Muhammad Husain Dr.,
al-Tafsir wa al-Mufasssirun, Maktabah Wahbah, Mesir,
cet. ke 8, 1405H/1985M.
- Al-Maula Mustafa ibn Abdullah al-Qustantini,
*al-Ruminal-Hanafi, Kashf al-Zunun 'An Usama al-Kutub
wa al-Funun*, Dar al-Fikr, 1402H/1882M.
- ..., *Al Munjid fi al A'lam*, Dar al-Mashriq, Beirut, Lubnan,
cetakan ke 22, tanpa tarikh.
- Al-Suyuti, Abd al-Rahman ibn Abu Bakar, *Tarikh al-Khulafa',
Matba'ah al-Falajah al-Jadid*, Mesir, cet. 4, 1969H/1389M.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-Azim, *Manahail al-Irfan fi
Ulum al-Quran*.
- Al-Zirikliy, Khaidruddin, *al-A'lam , Qamus Tarajum li Asyhar
al-Rijal wa al-Nisa' min al-Arab wa al-Musta'ribin wa al-
Mustasyriqin*, Dar al-Malayin, Beirut, Lubnan, tanpa tarikh.
- Shauqi Abu Khalil Dr., *Atlas al-Hadith al-Nawawi*, Dar al-Fikr,
Damsyiq, 2003.
- Syeikh Daud ibn Abdullah Fatani, *al-Durr at-Thamin pada
menyatakan Iktikad Segala Orang Yang Mu'minin
(Jawi)*, percetakan al-Ma'rif Sdn. Bhd. Tt. Ttp.
- <http://Islamweb/ver2/fatwa>
- <Http://forum.Senbad.net/t2389.html>
- <http://islamweb.net.ver2/archive2>
- موقع الحديث - google serch
- <http://www.muslm.net/showread.php?t=348047> (القول المسدد
فى بيان بطلان صحة رسالة الأمام الشافعى للأمام أحمد)